

31 MAY 2002

Mahathir-Matrikulasi

MATRIKULASI DIBUKA AGAR PELAJAR MELAYU DAPAT BERSAING

PUTRAJAYA, 31 Mei (Bernama) -- Program Matrikulasi dibuka kepada pelajar bukan Bumiputera supaya pelajar Bumiputera yang mengambil kursus itu dapat bersaing dengan kaum lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata apa yang berlaku sekarang ialah sesetengah pelajar matrikulasi terutamanya dari Kolej Mara tidak langsung mengenali pelajar dari kaum lain.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Dialog Belanjawan 2003 Sesi II di Jabatan Perdana Menteri di sini, Dr Mahathir berkata ini menyebabkan kebanyakan pelajar matrikulasi tidak mengetahui cabaran sebenar kerana mereka tidak bersaing dengan kaum lain.

"Kalau kita tak tahu kaum lain, kita tak boleh interact dengan mereka... kita tak boleh dididik dengan pagar di sekeliling kita.

"Esok kita tak boleh bersaing dengan sesiapa," katanya ketika ditanya rasional kerajaan membuka kursus matrikulasi kepada kaum lain setelah hampir 30 tahun ia diwujudkan.

Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak mengapa pihak tertentu harus merasa tidak puas hati dengan tindakan itu kerana Malaysia juga didiami oleh rakyat berbilang kaum.

Beliau berkata pelajar Melayu harus mampu bersaing dengan kaum lain dan tidak boleh mengharap sokongan kerajaan semata-mata bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan.

Katanya, umpama seseorang itu memakai topang ketiak untuk berjalan dan tidak berusaha untuk berjalan sendiri tanpanya, selama-lamanyalah dia tidak boleh berjalan sendiri.

Ditanya bila kursus matrikulasi akan dibuka kepada kaum lain, Dr Mahathir berkata: "secepat mungkin".

Kabinet kelmarin memutuskan untuk membuka program Matrikulasi kepada pelajar bukan Bumiputera dengan memperuntukkan kuota sebanyak 10 peratus untuk mereka mulai tahun depan.

Keputusan itu menamatkan monopoli Bumiputera dalam program tersebut sejak ia diwujudkan 30 tahun lepas.

Ini bermakna pelajar bukan Bumiputera mempunyai satu lagi saluran untuk memohon memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Selama ini, pelajar bukan Bumiputera hanya boleh memohon kemasukan ke IPTA dengan mengikuti pengajian tingkatan enam dengan memperolehi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

-- BERNAMA

AKT MAD MOZ